

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Lima beradik gembira dapat kad pengenalan dan sijil lahir	Bernama.com
2.	Unik	Utusan Malaysia
3.	Mangsa banjir Sabah meningkat	Berita Harian
4.	Amaran angin kencang dan laut bergelora hingga Isnin	Bernama.com
5.	Pusat sains dan kreativiti Terengganu dijangka siap akhir tahun	Bernama.com
6.	Johor cadang tubuh pasukan khas pantau kualiti barang - Exco	Bernama.com
7.	BiotechCorp sedia main peranan pacu sektor penjagaan kesihatan	Utusan Malaysia
8.	BiotechCorp buka ruang pembangunan sektor penjagaan kesihatan di Malaysia	Bernama.com

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)**



## **Lima Beradik Gembira Dapat Kad Pengenalan Dan Sijil Kelahiran**

MELAKA, 17 Jan (Bernama) -- Lima beradik yang tidak mempunyai kad pengenalan dan sijil kelahiran gembira apabila mereka menerima dokumen pengenalan diri itu Jumaat.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah** yang juga Anggota Parlimen Tangga Batu menyerahkan dokumen itu kepada Nurul Hidayah Muhammad Khairuddin, 16, Susmeeta, 14, Siti Fatimah, 10, Muhammad Muharrom, 7, dan Siti Aisyah, 4.

Turut hadir Penyelia Bahagian Kelahiran dan Kematian Jabatan Pendaftaran Negara (Melaka) Md Yusof Hussin.

Nurul Hidayah, anak kedua daripada lapan beradik berkata sebelum ini mereka menghadapi pelbagai masalah termasuk sukar bersekolah disebabkan tiada dokumen pengenalan diri.

"Gembira sangat...sebelum ini sedih...semua orang tanya kenapa tak ada kad pengenalan," katanya kepada pemberita selepas penyerahan dokumen itu Kampung Paya Mengkuang 2, Bukit Rambai di sini.

Ibu mereka, Khatijah Syed Mohamed, 42, berkata kehidupan keluarganya yang sentiasa berpindah-randah menyebabkan enam daripada lapan anaknya tidak mempunyai dokumen pengenalan diri dan menghadapi kesukaran untuk bersekolah.

"Kami sekeluarga selalu berpindah dari satu negeri ke satu negeri kerana menghadapi masalah kewangan dan anak yang dilahirkan tidak sempat didaftarkan mengikut prosedur," kata suri rumah itu.

Khatijah berkata anak mereka juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan dokumen pengenalan diri disebabkan suaminya, Muhammad Khairuddin Abdullah, 54, yang merupakan seorang mualaf lewat mendapat surat pertukaran nama Islam.

Katanya dua lagi anaknya, Sarrah Bannu, 17, dan Abdul Razak, 9, memiliki dokumen pengenalan diri bagaimanapun seorang lagi anaknya, Muhammad Razi, 12, JPN negeri sedang mendapatkan pengesahan Hospital Taiping, Perak berhubung butiran kelahirannya.

Khatijah berkata keadaan keluarganya kini makin tidak terurus disebabkan suaminya tidak mampu bekerja kerana menghidap darah tinggi dan menghadapi masalah jantung dan akan melakukan pembedahan hujung bulan ini.

Sementara itu, Abu Bakar berkata JPN Melaka mengambil masa tiga minggu untuk memproses permohonan dua kad pengenalan dan tiga sijil kelahiran anak Khatijah.

Beliau berkata pada masa sama, pihaknya juga akan berbincang dengan Majlis Agama Islam Melaka (Maim) untuk mendapatkan sebuah rumah bagi menempatkan keluarga itu yang kini berlindung di rumah tumpangan kenalan Khatijah sejak dua bulan.

"Selepas kita selesai mencari rumah bagi keluarga ini, kita akan usaha mendaftarkan anak-anaknya di sekolah berhampiran," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
UTUSAN MALAYSIA (ALBUM HARI INI) : MUKA SURAT 02  
TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)



**UNIK**

SEORANG pegawai Agensi Angkasa Negara berjaya merakamkan imej bulan penuh paling kecil yang berlaku di seluruh dunia disebut sebagai 'apogee' kelmarin.

Imej tersebut berjaya dirakamkan oleh Penolong Pegawai Sains Observatori Negara di Langkawi, Kedah, Karzaman Ahmad dengan menggunakan teleskop Takahashi Sky90 dan kamera Skynyx pada pukul 10.20 malam.

Menurut kenyataan agensi itu, fenomena tersebut berlaku kerana orbit bulan yang mengelilingi matahari adalah tidak betul-betul berbentuk bulat. Bulan penuh itu juga menghampiri fenomena 'apogee' iaitu jarak bulan berada paling jauh dengan bumi iaitu 406,536 kilometer.

■ SAIZ bulan penuh paling kecil (kiri) pada tahun 2014 berbanding pada tahun 2013.

# Mangsa banjir Sabah meningkat

» Bah di Kelantan pulih, semua pusat pemindahan ditutup

Oleh Suzianah Jiffar, Haika Khazi, Betty Subaryati, Johary Indan dan Erdiehazzuan Ab Wahid  
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Bilangan mangsa banjir di Sabah yang dipindahkan meningkat kepada 411 orang semalam, manakala Kelantan pulih sepenuhnya dengan semua pusat pemindahan ditutup.

Secara keseluruhannya, keadaan cuaca di kedua-dua negeri juga bertambah baik.

Di Sabah, hanya daerah Kota Belud masih dilanda banjir dengan bilangan mangsa bertambah kepada 411 orang berbanding 196 orang, kelmarin.

## Kawasan terjejas

Mangsa daripada 143 keluarga dari 17 kampung itu ditempatkan di pusat pemindahan di Dewan Tun Said dan dijangka dibenarkan pulang sehari dua lagi.

Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran) Kota Belud, Peter Jiton, berkata kampung yang terjejas ialah Kampung Menunggui, Tanjung Pasir, Linau, Gunding, Sangkir, Suang Punggur, Pangkalan Abai, Wakap, Dongoi, Sembirai, Sadok-Sadok, Jawi-Jawi, Lebak Moyer, Siasai Tamu, Song-Song, Lebak Engad dan Lingkodon.

“Mereka dipindahkan dalam operasi sejak tengah hari semalam (kelmarin) hingga jam 4 pagi hari ini (semalam) selepas rumah dinaiki air.

“Walaupun cuaca di daerah ini cerah sepanjang hari ini (semalam), kita masih memantau, selain mendapatkan maklumat Jabatan Meteorologi kemungkinan hujan lebat akan berlaku lagi,” katanya.

Empat sekolah di tiga daerah masih ditutup iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Kesapang dan SK Pituru di Kota Belud, SK Litang (Kinabatangan) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Sin Boon di Sipitang, membabitkan 518 murid dan 79 guru.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, Datuk John Anthony, berkata Kilometer (km) 6.1 Jalan Tam-

paruli - Kiulu, Tuaran, yang mengalami runtuhannya dibuka satu lorong sejak pagi semalam.

## Kerja pembersihan

“Jika tiada halangan, kita akan menaruh bukit di kawasan berdekatan bagi membolehkan dua lorong dibuka kepada pengguna jalan raya. Kaktangan JKR masih ditempatkan di lokasi untuk memantau kerja pembakaan jalan,” katanya.

Selain itu, km 32, Jalan Penampang-Tambunan, sudah boleh dilalui sejak petang kelmarin selepas kerja pembersihan dilakukan.

Selain itu, tiada mangsa banjir di daerah lain, termasuk Kota Kinabalu, Penampang, Tuaran dan Kinabatangan dipindahkan dengan keadaan dilaporkan semakin pulih.

Di Kelantan, banjir di negeri ini pulih sepenuhnya apabila semua mangsa seramai 772 orang dibenarkan pulang dan pusat pemindahan ditutup, semalam.

Mengikut portal rasmi kerajaan negeri, banjir di Pasir Mas pulih seperti sedia kala berikutan cuaca semakin baik dan paras air Sungai Golok kembali ke paras biasa.

Bagaimanapun, lima sekolah masih lagi ditutup iaitu di Tumpat dan Pasir Mas yang membabitkan 1,424 murid, berikutan jalan menghubungi sekolah ditenggelami air.

Pengarah Jabatan Pendidikan Kelantan, Hussain Awang, berkata sekolah di Tumpat yang ditutup ialah SK Bendang Pak Yong yang membabitkan 442 murid, Sekolah Kebangsaan Agama Bantuan Penuh Kerajaan (SABK) Nurul Huda (200) dan SK Simpangan (279).

Sekolah di Pasir Mas yang ditutup ialah SABK Falah Siram (383) dan SABK Diniah Bongor (120).



Tamu Tenghilan di Tuaran **digenangi banjir** kelmarin berpunca hujan lebat sejak Selasa lalu.

[FOTO JOHARY INDAN/BH]

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)**



## **Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Hingga Isnin**

KUALA LUMPUR, 17 Jan (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori tiga yang melanda perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur, kawasan pedalaman Pantai Barat dan Kudat di Sabah, Labuan dan Sarawak, dijangka berterusan sehingga Isnin depan.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataannya hari ini menyatakan angin kencang Timur Laut dengan kelajuan dari 60 kilometer sejam (km/jam) dan ombak melebihi 5.5 meter adalah berbahaya kepada semua aktiviti pantai dan perkапalan termasuk pekerja di pelantar minyak.

Selain itu, kawasan pantai di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor Timur juga terdedah kepada kenaikan paras air laut.

Angin kencang Timur Laut kategori dua yang melanda kawasan perairan Sandakan, Sabah pula dijangka berterusan sehingga Isnin dengan angin kencang berkelajuan antara 50-60 km/jam dan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter.

Keadaan itu berbahaya kepada semua aktiviti perkapanalan dan pantai, termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Angin kencang Timur Laut yang melanda perairan Tawau, Semporna dan Lahad Datu, Sabah juga berterusan sehingga Isnin dengan kelajuan angin 40 dan 50 km/jam serta ombak mencapai ketinggian 3.5 meter.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)**



## **Pusat Sains Dan Kreativiti Terengganu Dijangka Siap Akhir Tahun**

KUALA TERENGGANU, 16 Jan (Bernama) -- Pusat Sains dan Kreativiti Terengganu (PSKT) yang tertangguh, selepas mula dibina pada 2006 dengan peruntukan kira-kira RM76 juta, dijangka siap sepenuhnya akhir tahun ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PSKT Ahmad Farhan Abdul Wahab berkata kompleks yang terletak di tapak seluas kira-kira 50 hektar itu akan turut menempatkan **Pusat Sains Negara (PSN) cawangan Pantai Timur.**

"Apabila siap kelak, PSKT akan mempunyai kelengkapan yang sama dengan apa yang ada di PSN dengan tambahan peruntukan kira-kira RM40 juta.

"Segala kelengkapan dan keperluan di pusat itu kelak akan diisi secara berperingkat," katanya ketika ditemui pada program 'Cakap-cakap Sains: Jenayah dan Keselamatan ICT' di sini Khamis.

PSKT kini bertempat di Planetarium di sini.

Mengenai PSN, Ahmad Farhan berkata ketika ini hanya negeri Kedah mempunyai PSN di Wilayah Utara manakala Terengganu akan menjadi PSN Wilayah Pantai Timur.

Katanya Pengurus Jawatankuasa Sains dan Teknologi, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Air Negeri Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman telah berbincang dengan **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** mengenai itu.

"Kalau PSN buka cawangan di sini, ia mampu menarik pelawat terutama pelajar dari Kelantan, Pahang dan juga Johor ke Terengganu," jelas beliau.

Sementara itu Ahmad Farhan berkata sepanjang tahun ini PSKT akan menjalankan Program Cakap-cakap Sains melibatkan 20 program termasuk Cakap-cakap Sains mengenai Astronomi, Keselamatan ICT, Sains dan Inovasi, pelancaran Bulan Astronomi dan Bulan Sains Sukan.

"Kami mahu ajak masyarakat dan pelajar mengetahui bahawa kehidupan ini semuanya berkait dengan sains," katanya.

BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM

TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)



## Johor Cadang Tubuh Pasukan Khas Pantau Kualiti Barang - Exco

JOHOR BAHRU, 16 Jan (Bernama) -- Kerajaan Johor bercadang menubuhkan satu pasukan khas yang akan bertugas memantau kualiti barang supaya setanding dengan harga yang dibayar oleh pengguna.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Perdagangan dan Kepenggunaan negeri Datuk Tee Siew Kiong berkata pasukan khas berkenaan akan dianggotai oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim) Berhad serta Pejabat Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) negeri.

"Peningkatan kos sara hidup yang tinggi pada masa ini mendorong kegusaran kepada rakyat dan mereka seharusnya memperoleh standard dan kualiti yang setimpal dengan pembelian yang dibuat.

"Sehubungan itu, pasukan khas ini akan memantau sama ada barang yang dibekalkan oleh pemain industri ini seperti barang elektrik supaya kualitinya setanding dengan harga yang ditawarkan," katanya dalam sidang media selepas melawat ke Sirim di sini, Khamis.

**Turut hadir Pengarah Sirim negeri Ahmad Faizal Ismail dan Ketua Makmal Elektrikal Sirim, Gurdeep Singh Gurdial Singh.**

-- BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (BISNES) : MUKA SURAT 17**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)**

**BiotechCorp sedia main peranan pacu sektor penjagaan kesihatan**

KUALA LUMPUR 16 Jan. - Malaysian Biotechnology Corporation (BiotechCorp), bersedia memainkan peranan penting dalam usaha memacu sektor penjagaan kesihatan ke arah pembangunan lebih terancang dan meluas.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Nazlee Kamal berkata, Malaysia adalah satu daripada hab penjagaan kesihatan yang kompetitif di Asia Pasifik dengan pelbagai biodiversiti yang boleh dimanfaatkan.

"Industri penjagaan kesihatan negara kita tumbuh pada kadar yang pantas didorong oleh perbelanjaan tambahan penjagaan kesihatan, dasar kerajaan yang mesra perniagaan serta peningkatan penggunaan teknologi baharu.

"Kami bersedia menjadi jambatan untuk peluang penjagaan kesihatan di Asia," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Amerika Syarikat ialah sasaran terbaharu Biotechcorp dalam mem-



**BIOTECHCORP**  
MALAYSIAN BIOTECHNOLOGY  
CORPORATION

perkenal dan menonjolkan peluang dan cadangan menarik yang ditawarkan oleh Malaysia kepada pelabur dan syarikat.

Bersama-sama CIMB Investment Bank sebagai rakan kongsi, Biotechcorp semalam mengadakan majlis taklimat dan sesi mewujudkan

jaringan dengan kalangan pelabur khas di San Francisco.

Inisiatif tersebut diadakan bagi memperkenalkan dan menekankan peluang-peluang menarik yang ditawarkan oleh Malaysia untuk pelabur dan syarikat yang mahu menempatkan diri dalam industri penjagaan kesihatan di Asia.

Sementara itu, Mohd. Nazlee berkata, Asia yang merangkumi lebih setengah penduduk dunia mempunyai peluang pertumbuhan yang paling tinggi bagi industri penjagaan kesihatan.

"Ini akan dipacu oleh pertumbuhan pantas golongan pertengahan, pertumbuhan kukuh dalam pendapatan boleh guna, penduduk yang semakin tua dan peningkatan kelaziman penyakit gaya hidup.

"Kami gembira dapat menghimpuangkan lebih daripada 50 syarikat penjagaan kesihatan dan pelabur untuk membincangkan peluang-peluang perniagaan dan kerjasama pembiayaan bagi menyokong po-

tensi rancangan pengembangan operasi perniagaan mereka," katanya.

Dalam pada itu Pengarah Urusan dan Ketua Penasihat Penjagaan Kesihatan CIMB Investment Bank, Vijay Karwal berkata, pihaknya menyaksikan minat yang memberangsangkan daripada syarikat dan pelabur global untuk menyertai industri penjagaan kesihatan yang berkembang pesat di Asia.

"Malaysia yang merupakan pasaran modal sedang membangun, mempunyai asas pelabur yang kuat dan berada di tengah-tengah negara ASEAN, menjadikannya asas yang menarik untuk pemain industri penjagaan kesihatan di Asia," ujarnya.

Pasaran penjagaan kesihatan Asia secara keseluruhan dianggarkan bernilai lebih AS\$1.2 trilion (RM3.84 trilion) pada 2012 dan dijangka mencapai sehingga AS\$2.9 trilion (RM9.28 trilion) menjelang 2020.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 17 JANUARI 2014 (JUMAAT)**



## **BiotechCorp Buka Ruang Pembangunan Sektor Penjagaan Kesihatan Di Malaysia**

KUALA LUMPUR, 16 Jan (Bernama) -- Jalannya kini terbuka bagi Malaysia menjadi jambatan penghubung kepada peluang pembangunan industri penjagaan kesihatan di rantau Asia.

Dalam hubungan ini, **Perbadanan Bioteknologi Malaysia (BiotechCorp)**, memainkan peranan penting dalam usaha memacu sektor penjagaan kesihatan ke arah pembangunan lebih terancang dan meluas.

**Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal** berkata Malaysia merupakan antara hab penjagaan kesihatan yang paling kompetitif di rantau Asia Pasifik dan berkembang pada kadar yang rancak.

"Ini dipacu oleh perbelanjaan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat dan kerajaan yang properniagaan, selain penggunaan teknologi baharu yang semakin meningkat," katanya.

Amerika Syarikat ialah sasaran terbaharu BiotechCorp dalam memperkenal dan menonjolkan peluang dan cadangan menarik yang ditawarkan oleh Malaysia kepada pelabur dan syarikat.

Bersama-sama CIMB Investment Bank sebagai rakan kongsi, BiotechCorp semalam mengadakan majlis taklimat dan sesi mewujudkan jaringan dengan kalangan pelabur khas di San Francisco.

Berucap pada majlis itu, Mohd Nazlee berkata Asia, tempat tinggal lebih separuh daripada penduduk dunia, menampilkkan peluang pertumbuhan paling menarik kepada industri penjagaan kesihatan.

"Ini dipacu oleh kehadiran golongan kelas pertengahan yang meningkat, pertumbuhan kukuh pendapatan boleh dibelanjakan, penduduk yang semakin berumur dan serangan pelbagai penyakit yang berpunca daripada gaya hidup.

"Kami gembira lebih 50 syarikat penjagaan kesihatan dan pelabur hadir untuk membincangkan peluang perniagaan dan usaha sama pembiayaan sebagai menyokong rancangan peluasan operasi perniagaan mereka," katanya.

Taklimat pelabur itu dianjurkan di luar acara Persidangan Penjagaan Kesihatan ke-32 JP Morgan dan Persidangan Pameran Bioteknologi ke-6 di San Francisco.

Apabila digabungkan, kedua-dua acara itu merupakan perhimpunan tahunan terbesar syarikat penjagaan kesihatan dan juga pelabur global.

Majlis taklimat pelabur itu disokong oleh CIMB Investment Bank yang memberikan gambaran peluang perniagaan dan pelaburan untuk syarikat dan pelabur penjagaan kesihatan di Malaysia, ASEAN dan rantau Asia Pasifik secara menyeluruh.

Ini seiring dengan trend dan peluang semasa untuk menambah modal dan pengambilan di rantau berkenaan.

Mohd Nazlee berkata pasaran penjagaan kesihatan Asia dianggarkan bernilai lebih AS\$1.2 trilion pada 2012 dan dijangka mencapai AS\$2.9 trilion menjelang 2020.

Beliau menarik perhatian bahawa industri berdasarkan bio Malaysia kini dalam fasa kedua pelaksanaan Dasar Bioteknologi Nasional - fasa Sains kepada Perniagaan - melibatkan usaha mempercepat kegiatan pengkomersilan oleh penggiat industri.

Sementara itu, Vijay Karwal, Pengarah Urusan dan Ketua Penasihat Penjagaan Kesihatan CIMB Investment Bank, yang turut berucap pada majlis itu berkata sesetengah syarikat penjagaan kesihatan terbesar dan terkemuka di rantau itu berjaya menyenaraikan saham mereka dan mendapatkan modal di Bursa Malaysia.

"CIMB menjangkakan trend ini akan meningkat pada masa akan datang. Kami menumpukan perhatian kepada usaha mempermudah dan menyokong aliran pelaburan yang bertumbuh pesat kepada industri penjagaan kesihatan Malaysia dan Asia," katanya.

Setakat ini, terdapat 229 syarikat BioNexus di Malaysia dengan 66 daripadanya berorientasikan penjagaan kesihatan dengan sejumlah RM3.2 bilion pelaburan diluluskan.

-- BERNAMA